KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

NEGARA BERSIH, RAKYAT SELESA: LEBIH RM467,000 DENDA DIKUTIP, LEBIH 3,600 JAM KHIDMAT MASYARAKAT DIJATUHKAN TERHADAP PESALAH BUANG SAMPAH KECIL MERATA-RATA

Sebanyak RM467,140 kutipan denda direkodkan dan 3,638 jam hukuman khidmat masyarakat dijatuhkan terhadap individu-individu yang disabitkan kesalahan membuang sampah kecil di tempat merata-rata, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming.

“Di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), sebanyak 8,960 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan di tujuh (7) negeri sepanjang Januari hingga September tahun ini.

“Hasil operasi tersebut, sebanyak 17,145 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) telah dikeluarkan,” katanya ketika menyampaikan **ucapan penggulungan Belanjawan 2027 bagi KPKT di Dewan Rakyat** hari ini.

Beliau menegaskan bahawa pendekatan tersebut menggabungkan ketegasan undang-undang dengan pendidikan sivik bagi meningkatkan tanggungjawab masyarakat terhadap kebersihan awam.

“Kebersihan mencerminkan ketamadunan. Inilah komitmen KPKT untuk memastikan Malaysia kekal bersih, mampan dan bermaruah. Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) bertujuan mendidik pesalah supaya memahami bahawa menjaga kebersihan awam ialah tanggungjawab bersama,” katanya.

Nga turut memaklumkan bahawa KPKT akan terus mempergiat operasi penguatkuasaan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 dan 2027 bagi memastikan negara kekal bersih serta memberikan imej yang baik kepada pelancong yang berkunjung ke Malaysia.

Seiring dengan usaha tersebut, KPKT turut menggerakkan penyertaan masyarakat melalui Hari Cuci Malaysia (HCM) bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan kebersihan awam.

Penganjuran HCM tahun ini mencatatkan dua (2) rekod *Malaysia Book of Records* (MBOR), iaitu:

1. Penyertaan Gotong-Royong Teramai dalam Sehari, melibatkan 332,429 peserta; dan
2. Pengumpulan Sisa Kitar Semula Terberat dalam Sehari, berjumlah 89,221.22 kilogram.

“Di bawah kerangka Dasar Kebersihan Negara, pengurusan sisa pepejal melangkaui rutin pembersihan awam. KPKT menekankan perubahan sikap melalui dua tonggak utama, iaitu pendidikan komuniti dan ketegasan perundangan, bagi menjayakan agenda Reformasi Pembersihan Awam ini,” kata beliau.

Terima Kasih

YB NGA KOR MING
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 26 OKTOBER 2026

- TAMAT -